



# Penggabungan Masscomm UiTM dengan Sains Komputer dibatalkan

Oleh Saadiah Ismail - Februari 20, 2023 @ 5:41pm  
saadiah\_ismail@bh.com.my



Kementerian Pendidikan Tinggi setuju Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak bergabung dengan Fakulti Sains Komputer & Matematik serta Fakulti Sains Informasi.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi bersetuju supaya Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak bergabung dengan Fakulti Sains Komputer & Matematik serta Fakulti Sains Informasi.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Husaini Omar, berkata ini susulan daripada bantahan dan kementerian memutuskan supaya FKPM tidak digabungkan seperti yang pernah diumumkan oleh Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Roziah Janor pada Oktober lalu.

"Kementerian sudah memperhalusi cadangan dan maklum balas yang diterima daripada pelbagai pihak sejak isu penggabungan ini dibawa ke perhatian saya dan merasakan ia tidak harus dilengahkan lagi," katanya dalam satu mesyuarat bersama wakil pengurusan tertinggi UiTM dan Persatuan Alumni Masscomm UiTM.

Oktober lalu, Persatuan Alumni Masscomm UiTM membantah penggabungan FKPM dengan Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) menjadi entiti baharu yang dikenali sebagai Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media.

### **Bantahan alumni**

Sehubungan itu, pihak alumni merancang mengadakan perbincangan dengan UiTM, pemegang taruh lain serta wakil daripada pelbagai organisasi dalam industri.

Alumni Masscomm UiTM berpendapat jenama Masscomm yang sinonim dengan UiTM itu tidak perlu digabungkan dengan fakulti lain, malah perlu diperkasakan lagi.

Sementara itu, Presiden Persatuan Alumni Masscomm, Basree Rakijan, berkata pihaknya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kementerian yang memberikan reaksi positif terhadap bantahan yang disuarakan persatuan itu baru-baru ini.

"FKPM sudah 50 tahun ditubuhkan dan menjadi satu fakulti yang memberikan sumbangan besar kepada pembangunan negara dan ia perlu diperkasakan lagi terutama di era komunikasi digital yang begitu mencabar ini.

"Alumni akan terus bekerjasama dengan FKPM bagi melaksanakan beberapa program yang sudah dikenal pasti demi memastikan jaringan industri-universiti diperkemas dalam usaha melahirkan graduan FKPM yang lebih berwibawa," katanya.